

Kesan Penggunaan Perisian Kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal Terhadap Gaya Pengajaran Guru Kejuruteraan Mekanikal Di Sekolah Menengah Teknik Di Terengganu

Norani Mohd Noor¹ & Norhanis Jamaludin²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat kesan penggunaan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal (PKM) yang telah dibekalkan oleh Jabatan Pendidikan Teknik Kementerian Pelajaran Malaysia (JPTEK, KPM) terhadap gaya pengajaran yang digunakan oleh guru Kejuruteraan Mekanikal semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu kajian ini dijalankan untuk melihat faktor yang mendorong keberkesanan penggunaan perisian kursus PKM dan faktor penggalak guru menggunakan perisian kursus PKM semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Data diambil dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrument kajian. Seramai 5 orang guru dari SMT Dungun dan 5 guru dari SMT Terengganu dijadikan sebagai sampel. Maklum balas yang diperolehi menerusi borang soal selidik dan dianalisis dalam bentuk skor min, peratusan dan kekerapan dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package For Social Science*) Version 15.0 for Windows. Kajian rintis telah dijalankan ke atas guru PKM di SMT Batu Pahat dan SMT Kluang. Nilai kebolehpercayaan instrumen yang diperolehi adalah $\alpha=0.98$. Dapatan kajian menunjukkan aspek pelajar merupakan faktor yang mendorong keberkesanan penggunaan perisian kursus PKM dengan nilai min tertinggi 2.30 (tahap sederhana). Bagi gaya pengajaran pula, gaya wibawa formal dan delegator menjadi pilihan utama guru dengan nilai min masing-masing 2.90 (tahap tinggi) manakala bagi faktor penggalak guru, faktor diri sendiri dan perisian kursus menjadi faktor penggalak utama guru menggunakan perisian kursus PKM. Nilai min masing-masing adalah 2.90 (tahap tinggi). Beberapa cadangan dikemukakan untuk bakal guru teknikal dan pihak JPTEK, KPM seperti penambahbaikan perisian kursus untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanannya serta gaya pengajaran berbentuk wibawa formal dan delegator patut menjadi pilihan semasa menggunakan perisian kursus PKM dalam proses P&P.

Katakunci: Kesan Penggunaan Perisian, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Guru Kejuruteraan Mekanikal

ABSTRACT: This research is carried out to identify the teaching style that being used by the mechanical engineering teacher when using the software of mechanical engineering studies (MES) which has been given by the Department of Technical Education, Ministry Of Education Malaysia. Beside that, the other purposes of this study is to identify the factor that actuate the effectiveness of using this software and the encourage factor for the teacher to keep using the software in teaching and learning process. Questionnaire was used as an instrumental research. 5 respondents from SMT Dungun and 5 respondents from SMT Terengganu have been chosen as the sample of the study. Feedback from the questionnaire was analyzed in Frequency, Percentage and Mean Score by using the *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 15.0 for Windows*. Pioneer research was conducted at SMT Batu Pahat and SMT Kluang involving mechanical engineering teacher to test the reliability of the questionnaire. Value of alpha cronbach is $\alpha=0.98$. The finding indicate that the student aspect was the main factor that contributed to the effectiveness of using the MES software with the highest mean value 2.30 (abstemious level). Furthermore the teacher frequently used the formal authority style and delegator style when using the MES software with the mean value 2.90 (high level) for each style while the encourage factors that contributed to the

frequently of using MES software were the individual (self) factor together with the software factor. The mean value for each factors is 2.90 (high level). A couple of suggestion was prepared to be use by the new technical teacher and the JPTek, KPM such as addition making to the MES software to increase the effectiveness of its used and the formal authority style and delegator style should be priority option when using MES software in teaching and learning process.

Keywords: *Effectiveness Of Using Software, Mechanical Engineering Course, Mechanical Engineering Teacher*

1.0 PENGENALAN

Guru perlu menguasai prinsip pengajaran supaya pengajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan memudahkan pelajar memahami perkara yang disampaikan (Esah Sulaiman, 2004). Untuk memudahkan pengajaran difahami, guru perlu memulakan pengajaran dengan mengutarakan konsep atau idea yang lebih dekat dengan kehidupan pelajar, diikuti dengan idea yang lebih sukar atau abstrak. Dunne (dalam Bannett dan Carre, 1993) dalam kajian yang dijalankan olehnya menjelaskan bahawa gaya pengajaran merupakan cara atau teknik seseorang guru dalam menyampaikan isi pengajaran mereka. Gaya pengajaran adalah berkaitan dengan penyampaian, interaksi dan ciri-ciri personaliti guru. Selain itu, Dunne menjelaskan bahawa gaya pengajaran adalah penting kerana memberi kesan terhadap pengajaran yang akan disampaikan.

Guru perlu menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran untuk pelajarannya. Strategi ini melibatkan kemahiran memilih, merancang, menyusun dan mengurus kaedah dan teknik mengajar dalam sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan mencapai objektif pelajaran secara optimum (Ee Ah Meng, 1997). Guru boleh menggunakan pelbagai gaya dalam proses P&P. Gaya yang dipraktikkan dalam menggunakan modul merupakan sesuatu yang baru. Proses pengajaran dan pembelajaran tradisional perlu disokong oleh bahan multimedia atau elektronik yang menggunakan teknologi komputer dan komunikasi (Yusup Hashim, 2000).

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Jabatan Pendidikan Teknikal telah melaksanakan beberapa sesi latihan kemahiran penterjemahan kepada guru-guru. Latihan ini telah dijalankan pada tahun 2004 bagi melatih guru dalam membuat penterjemahan rancangan pengajaran serta bahan-bahan yang akan digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada beberapa temubual ringkas yang di buat oleh penyelidik (Fairus, 2006) terhadap beberapa orang guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dan pelajar Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di beberapa buah sekolah menengah teknik, penyelidik mendapati pelajar seronok belajar dengan penggunaan perisian kursus tetapi kadangkala memerlukan penjelasan yang lebih jelas daripada guru kerana isi kandungan perisian kursus bagi sesetengah topik kurang lengkap. Selain itu, terdapat juga beberapa permasalahan seperti guru terpaksa menggunakan masa yang lebih untuk membuat penerangan dalam Bahasa Melayu kerana kadangkala pelajar kurang memahami pengajaran dalam Bahasa Inggeris. Terdapat juga sesetengah pelajar tidak suka penggunaan perisian kursus dijalankan sepanjang masa sebaliknya lebih gemar penggunaan corak pengajaran secara konvensional. Ini kerana mereka gemar menyalin nota di papan putih.

Menurut En. Mohd Noh Bin Sarip, Ketua Bidang Teknik dan Vokasional SMT Batu Pahat memberitahu bahawa Jabatan Pendidikan Teknikal (JPTek), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membekalkan perisian kursus kepada setiap SMT di seluruh Malaysia bermula dari tahun 2006. Beliau menyatakan gaya pengajaran guru berubah apabila perisian kursus yang dibekalkan digunakan secara menyeluruh. Menurut temubual yang dijalankan oleh pengkaji kebanyakan guru-guru mampu menggunakan perisian kursus yang dibekalkan tetapi gaya yang digunakan adalah terpulang kepada pengalaman dan cara guru tersebut mengajar (Fairus, 2006).

Menurut Shafie Mohd Daud (1990) pula beban tugas dan pentadbiran merupakan dua faktor yang mempengaruhi penggunaan media teknologi di beberapa buah sekolah di Kedah. Selain itu menurut Nur Dzainuddin (dalam Abdul Aziz, 1993) terdapat beberapa masalah penggunaan bahan bantu mengajar ini seperti sikap guru yang malas, pengaruh kawan, sikap pengetua atau pentadbir. Ini menimbulkan persoalan sama ada gaya pengajaran manakah yang sesuai diterapkan apabila penggunaan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal digunakan secara seragam dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional di negara kita di mana kepentingan inti pati pengajaran dan pembelajaran amat di titikberatkan.

Oleh itu penyelidik mengambil inisiatif ini untuk mengkaji keberkesanan penggunaan perisian kursus PKM yang dibekalkan oleh Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia (JPTek, KPM), gaya pengajaran manakah yang bersesuaian digunakan bersama penggunaan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di sekolah menengah teknik khususnya dan faktor penggalak guru menggunakan perisian kursus ini.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Penyelidik ingin menjalankan kajian berhubung kesan penggunaan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal terhadap gaya pengajaran guru-guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di Sekolah Menengah Teknik Dungun dan Sekolah Menengah Teknik Terengganu di Terengganu sebagai satu inisiatif dalam mencari alternatif gaya pengajaran yang bersesuaian dengan penggunaan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal yang telah dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti faktor yang mendorong keberkesanan penggunaan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dalam proses P&P.
- ii. Mengenalpasti gaya pengajaran guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal semasa penggunaan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dalam proses P&P.
- iii. Mengenalpasti faktor penggalak guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal menggunakan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dalam proses P&P.

5.0 SOROTAN KAJIAN

5.1 Pengajaran dan pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran membabitkan beberapa elemen yang terlibat seperti guru, pelajar dan persekitaran. Isu dan masalah berkaitan tentang kefahaman, pelaksanaan dan sokongan pelbagai elemen harus diteliti dan diatasi. Pengatahuan yang luas, kefahaman dan kerjasama semua adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Zeichner (1993) mengatakan salah satu elemen untuk menghasilkan pengajaran yang baik adalah guru perlu mempunyai pengharapan yang tinggi terhadap pelajar, iaitu percaya semua pelajar penting

dalam pengajaran kerana dengan kesedaran ini pelajar mempunyai konsep sendiri yang tinggi dan akan berusaha untuk mencapai kejayaan.

Qassim (1998) mendefinisikan pengajaran sebagai kegiatan yang tersusun yang dibuat untuk murid-murid dengan tujuan untuk membawa perubahan ke dalam diri mereka. Kegiatan yang dijalankan oleh guru haruslah bertujuan membawa pengetahuan baru, mengubah kepercayaan dan mengubah tingkah laku. Dick dan Reiser (1989) mendefinisikan pengajaran sebagai interaksi yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam yang khusus dan telah ditentukan. Urutan dalam pengajaran ini meliputi sekurang-kurangnya tujuh aspek, iaitu memotivasikan pelajar, menerangkan perkara yang dipelajari, membantu para pelajar mengingat pengetahuan sebelumnya, menyediakan bahan pengajaran, menyediakan bimbingan dan maklum balas, menguji kefahaman serta menyediakan pengayaan dan pemulihan.

5.2 Gaya pengajaran

Gaya pengajaran guru boleh dilihat sebagai cara seseorang guru itu dalam menyampaikan isi pengajaran mereka. Benner dan Carre (1993) menjelaskan bahawa gaya pengajaran adalah berkaitan dengan penyampaian, interaksi dan ciri-ciri personaliti. Contohnya guru bertindak sebagai tutor dalam menyampaikan pengajarannya kepada pelajar atau bagaimana guru menyampaikan bahan pengajarannya kepada pelajar. Gaya pengajaran adalah penting kerana memberi kesan ke atas penerimaan pelajar terhadap isi yang disampaikan. Gaya pengajaran boleh diperolehi melalui pengalaman mereka sebagai pengajar dan mengambil masa yang agak lama untuk membentuk gaya pengajaran yang tertentu dalam diri mereka.

Grasha (1996) menjelaskan bahawa guru-guru yang berkeyakinan mengajar akan lebih berminat mewujudkan hubungan yang mesra dengan pelajar-pelajar. Hubungan yang baik di antara guru dan pelajar menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi mudah dan menyenangkan.

Gaya pengajaran juga boleh diklasifikasikan dari segi humanisme, behaviourisme dan kognitivisme. Humanisme mementingkan pengalaman peribadi di mana guru bertindak sebagai fasilitator dan menggalakkan pelajar agar berkongsi pengalaman dan pendapat. Teknik-teknik humanisme adalah selaras dengan pelajar pragmatif, reflektif dan aktivis. Gaya yang bersifat behaviourisme mencorakkan tingkahlaku yang dikehendaki supaya pelajar menguasai tingkah laku tersebut. Gaya ini didapati sesuai dengan pelajar pragmatis dan aktivis. Gaya yang bersifat kognitif menyerupai pendekatan tradisi akademik dan bertujuan mempersembahkan informasi secara logik, biasanya melalui kuliah. Gaya ini adalah lebih sesuai dengan pelajar teoretikal (Kramlinger dan Huberty, 1990).

Okey (dalam Kramlinger dan Huberty, 1990) juga telah mengemukakan idea bahawa keberkesanan sesuatu pengajaran dapat dipertingkatkan melalui kaedah penyampaian yang pelbagai. Pendapat ini disokong oleh Tuah Talib (1993) yang menyatakan bahawa cara pengajaran ini akan memberi bimbingan kepada pelajar tentang bagaimana dia bertindak dan memahami tingkah lakunya.

5.2 Pengajaran Berbantuan Komputer (PBK) Dan Keberkesanannya

KPM telah pun membekalkan pelbagai peralatan teknologi pendidikan untuk digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran semasa di dalam kelas. Salah satu faktor kemajuan pengajaran dan pembelajaran sesebuah sekolah ialah kelengkapan alat bantu mengajar di samping kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan yang digunakan oleh guru.

Komputer dan perisian adalah antara bentuk alat bantu mengajar yang kian digunakan dalam sistem pendidikan. Penggunaan alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan

pembelajaran boleh menjadikan penerimaan maklumat lebih cepat dan tepat. Hinz (dalam Ismarizan, 2000) mendapati gabungan penerimaan sesuatu maklumat dengan menggunakan 2 pancaindera, penglihatan dan pendengaran serentak akan meningkatkan kefahaman yang lebih tinggi. Kenyataan ini di sokong oleh Edgar (1969) yang menyatakan lebih banyak deria pelajar dilibatkan dalam pembelajaran, lebih banyak pembelajaran berlaku pada diri pelajar. Dengan ini ingatan pelajar akan menjadi lebih tekal dan kekal.

Di samping itu, penggunaan alat bantu mengajar boleh dijadikan sebagai motivasi untuk pelajar agar lebih berminat terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan kognitif. Menurut Lee Shok Mee (1996), tingkahlaku manusia dipengaruhi oleh cara seseorang mengamati benda. Guru boleh menyerapkan motivasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan cara menarik perhatian pelajar. Sebelum itu guru perlu mewujudkan perasaan ingin tahu dalam diri pelajar untuk mendorong mereka mempelajari sesuatu topik. Setelah berjaya, guru perlu mempelbagaikan cara untuk mengekalkan perhatian dan minat pelajar dalam pembelajaran. Beliau juga menyatakan, penggunaan alat bantu mengajar ini boleh mengurangkan kebosanan, menimbulkan keseronokan dan membantu pelajar mengukuhkan kefahaman terhadap sesuatu konsep.

Pengetahuan dan kemahiran penggunaan alat bantu mengajar dapat membantu guru mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih kemas dan lancar. Semakin tinggi pengetahuan dan kemahiran seseorang guru, semakin tinggi tahap penggunaannya. Hassan (1993) menyatakan pengalaman dan kemahiran-kemahiran yang didapati dari kursus-kursus dalam penyediaan dan penggunaan alat bantu mengajar adalah penting, maka guru perlulah mendisiplinkan dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran penggunaan alat bantu mengajar. Di samping itu, usaha guru sendiri adalah penting dalam meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap penggunaan alat bantu mengajar.

Pendidik sebagai '*instructional leaders*' perlu membuat perubahan dari segi sikap dan budaya kerja supaya tidak ketinggalan dalam arus perdana teknologi. Menurut Dr. Abd Rahim (1997), reformasi pendidikan memerlukan guru dan tenaga pengajar didedahkan dengan kemahiran baru, tahu mengendalikan dan menggunakan teknologi maklumat dengan berkesan. Dengan kaedah ini mereka akan berubah daripada seorang pendidik kepada pemudahcara, tutor, perancang dan penilai pembelajaran pelajar.

Subjek kejuruteraan khususnya bagi komponen yang melibatkan kemahiran, memerlukan banyak kerja praktik terutamanya dalam pelajaran yang melibatkan teori-toeri bagi sesuatu proses seperti bagaimana sesuatu enjin itu berfungsi. Bahan bantu mengajar yang memuatkan simulasi dan juga gambaran sebenar sangat membantu pelajar memahami pelajaran yang ingin disampaikan selain ia lebih mudah, ringkas dan memberikan gambaran yang jelas dan menarik.

6.0 METOD

6.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kajian tinjauan dalam aspek untuk mendapatkan maklumat. Kajian tinjauan adalah satu kaedah penyelidikan yang dapat memperjelaskan keadaan semasa (Best dan Kahn, 1998). Kajian tinjauan merupakan satu metod untuk mengumpul maklumat dengan bertanya satu set soalan kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang hendak dikaji. Dalam kajian tinjauan ini borang soal selidik digunakan sebagai alat untuk mengumpul data dan maklumat yang diperlukan bagi mencapai objektif yang dinyatakan.

6.2 Populasi dan Pensampelan Kajian

Populasi yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 5 orang guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di SMT Dungun dan 5 orang guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di SMT Terengganu. Untuk tujuan kajian ini 5 orang guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di SMT Dungun dan 5 orang guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di SMT Terengganu dijadikan sampel dalam kajian ini. Guru-guru ini dipilih sebagai sampel kajian kerana mereka boleh mewakili semua guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di Sekolah Menengah Teknik (SMT) lain di Terengganu.

6.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada responden. Menurut Sulaiman (1991), kaedah soal selidik ini sesuai digunakan kerana ia mampu menjimatkan masa, selain merupakan cara yang paling mudah untuk memperolehi maklumat-maklumat berbentuk kualitatif dan kuantitatif.

Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A mengandungi soalan demografi responden. Antara item di dalam bahagian A seperti jantina, keturunan, latarbelakang responden, kekerapan penggunaan perisian kursus dan tahun perkhidmatan. Bahagian B adalah mengenai faktor yang mendorong keberkesanan penggunaan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Penyelidik telah membahagikan soalan-soalan tersebut kepada tiga aspek iaitu guru, pelajar dan dari segi perisian kursus itu sendiri. Bahagian C pula adalah mengenai gaya pengajaran guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal yang menggunakan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Bagi memudahkan penganalisan penyelidik telah membahagikan soalan-soalan tersebut mengikut gaya pengajaran guru. Bahagian D mengandungi item-item mengenai faktor penggalak penggunaan perisian kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Terdapat 12 item pada bahagian ini.

6.4 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan ke atas 5 orang guru Pengajian Kejuruteraan Mekanikal iaitu di SMT Batu Pahat (2 orang) dan SMT Kluang (3 orang). Penyelidik menggunakan dua cara bagi menentukan tahap kebolehpercayaan dan kesahan iaitu dengan menggunakan Alpha Cronbach serta meminta komen daripada responden kajian bagi kefahaman soalan yang dinyatakan.

Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), sekiranya nilai pekali kebolehpercayaan tersebut kurang daripada 0.6 maka bolehlah dianggap instrumen yang digunakan di dalam kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah. Maka item kajian harus diubah. Jika pekali kebolehpercayaan bagi data lebih daripada 0.6 maka item kajian boleh digunakan. Setelah analisis kebolehpercayaan dibuat, penyelidik mendapati item kajian mencatat nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.98. Oleh itu item kajian tidak perlu diperbaiki dan kajian boleh diteruskan.

7.0 DAPATAN KAJIAN

7.1 Analisis Bahagian A - Jantina Responden

Jadual 1: Demografi Jantina

Jantina	Frekuensi (f)	Peratus (%)
Lelaki	7	70
Perempuan	3	30
Jumlah	10	100

Berdasarkan Jadual 1, seramai 7 orang responden adalah lelaki mewakili peratusan sebanyak 70% manakala perempuan pula seramai 3 orang mewakili peratusan sebanyak 30%. Ini menjadikan jumlah keseluruhan responden seramai 10 orang dengan peratusan penuh 100%.

7.2 Analisis Bahagian B

i. Keberkesanan Penggunaan Perisian Kursus PKM Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

Jadual 2: Analisis Respon Guru Terhadap Keberkesanan Penggunaan Perisian Kursus PKM Dalam Proses P&P Bagi Aspek Pelajar Mengikut Keckerapan, Peratusan Dan Min.

Bil	Item-item Dalam Soalan	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min	Tahap
		f	%	f	%	f	%		
1	Pelajar lebih menunjukkan minat apabila perisian kursus PKM digunakan dalam P&P	3	30	0	0	7	70	2.40	Tinggi
2	Pelajar lebih menumpukan perhatian melalui penggunaan perisian kursus PKM berbanding buku teks	3	30	0	0	7	70	2.40	Tinggi
3	Pelajar mengalami masalah dalam menyalin nota apabila perisian kursus PKM digunakan	5	50	0	0	5	50	2.00	Sederhana
4	Pelajar memberikan respon positif terhadap penggunaan perisian kursus PKM berbanding pengajaran konvensional sepanjang masa	3	30	0	0	7	70	2.40	Tinggi
Jumlah Keseluruhan								2.30	Sederhana

Berdasarkan Jadual 2, terdapat 30% responden tidak bersetuju dan 70% lagi bersetuju dengan pernyataan pelajar lebih menunjukkan minat apabila perisian kursus PKM digunakan dalam P&P. Nilai min bagi pernyataan ini adalah 2.40 dan berada pada tahap tinggi. Begitu juga dengan pernyataan pelajar lebih menumpukan perhatian melalui penggunaan perisian kursus PKM berbanding buku teks di mana seramai 3 orang responden tidak bersetuju dan 7 orang lagi bersetuju dengan pernyataan ini. Nilai min bagi pernyataan ini turut berjumlah 2.40 dan berada pada tahap tinggi.

Bagi pernyataan pelajar mengalami masalah dalam menyalin nota apabila perisian kursus PKM digunakan pula berlaku keseimbangan di mana 50% responden tidak bersetuju dan 50% bersetuju dengan pernyataan ini menjadikan nilai minnya 2.00. Di samping itu,

terdapat 3 orang responden tidak bersetuju dan 7 orang lagi bersetuju dengan pernyataan pelajar memberikan respon positif terhadap penggunaan perisian kursus PKM berbanding pengajaran konvensional sepanjang masa sekaligus menjadikan nilai min pernyataan ini 2.40. Nilai skor min keseluruhan bagi aspek pelajar untuk persoalan kajian keberkesanan penggunaan perisian kursus PKM dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini adalah 2.30 iaitu pada tahap sederhana.

Secara keseluruhannya, keberkesanan penggunaan perisian kursus PKM dalam proses pengajaran dan pembelajaran didorong oleh aspek pelajar kerana nilai min keseluruhan bagi aspek ini mencatatkan nilai tertinggi iaitu 2.30. Walau bagaimanapun keseluruhan nilai min purata bagi persoalan keberkesanan penggunaan perisian kursus PKM ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini adalah 2.18 dan berada pada tahap sederhana mengikut tahap kecenderungan min.

ii. Kelaziman Gaya Pengajaran Guru Semasa Menggunakan Perisian Kursus PKM Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

Jadual 3: Analisis Respon Terhadap Gaya Pengajaran Guru Semasa Menggunakan Perisian Kursus PKM Dalam Proses P&P Menurut Gaya Wibawa Formal Mengikut Kekekapan, Peratusan Dan Min

Bil	Gaya Wibawa Formal	Adakala		Tidak Pasti		Seringkali		Min	Tahap
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%		
1	Saya menegur pelajar jika tidak berpuas hati terhadap prestasi pelajar dalam sesuatu ujian.	0	0	0	0	10	100	3.00	Tinggi
2	Saya seorang yang tegas semasa mengajar di dalam kelas	0	0	0	0	10	100	3.00	Tinggi
3	Saya mengambil berat tentang pencapaian pelajar di dalam kelas.	0	0	2	20	8	80	2.80	Tinggi
4	Saya memberi teguran kepada pelajar apabila tidak berpuas hati dengan pencapaian dalam ujian yang diberikan	0	0	1	10	9	90	2.90	Tinggi
5	Saya menekankan kualiti yang tinggi terhadap pencapaian yang diperolehi bagi sesuatu ujian	0	0	1	10	9	90	2.90	Tinggi
6	Saya melibatkan pelajar sewaktu proses pengajaran di dalam kelas	1	10	0	0	9	90	2.80	Tinggi
Jumlah Keseluruhan								2.30	Sederhana

Bagi pernyataan saya memberikan arahan langkah demi langkah supaya pelajar dapat mengikutinya dengan mudah pula, 20% responden menyatakan mereka tidak pasti dan 80% menyatakan mereka seringkali berbuat demikian.

Walaupun bagaimanapun kesemua responden menyatakan mereka seringkali memberikan arahan langkah demi langkah supaya pelajar dapat melaksanakannya dengan mudah. Nilai min bagi pernyataan ini adalah 3.00. Bagi pernyataan saya memberikan contoh yang terdapat di dalam perisian kursus berkaitan sesuatu situasi itu berlaku, terdapat seorang responden

menyatakan adakala, 2 orang menyatakan tidak pasti manakala 7 orang lagi menyatakan mereka seringkali berbuat demikian.

Di samping itu bagi pernyataan saya mengadakan tunjuk cara sekiranya terdapat pelajar yang tidak memahami topik yang diajar pula terdapat 10% responden menyatakan mereka tidak pasti manakala 90% lagi menyatakan mereka seringkali berbuat demikian. Nilai skor min keseluruhan bagi gaya pengajaran guru semasa menggunakan perisian kursus PKM dalam proses P&P menurut gaya model peribadi adalah 2.84 dan berada pada tahap tinggi.

Jadual 4: Analisis Respon Terhadap Gaya Pengajaran Guru Semasa Menggunakan Perisian Kursus PKM Dalam Proses P&P Menurut Gaya Delegator Mengikut Kekekapan, Peratusan Dan Min

Bil	Gaya Delegator	Adakala		Tidak Pasti		Seringkali		Min	Tahap
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%		
1	Saya menggalakkan pelajar berfikir untuk menyelesaikan sesuatu masalah dalam latihan yang diberikan	0	0	1	10	9	90	2.90	Tinggi
2	Saya menekankan kepada sumbangan idea oleh setiap pelajar sewaktu mengadakan perbincangan di dalam kelas	0	0	2	20	8	80	2.80	Tinggi
3	Saya menggalakkan pelajar untuk mengeluarkan pendapat	0	0	0	0	10	100	3.00	Tinggi
4	Saya memberi latihan bagi membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik yang diajar	0	0	1	10	9	90	2.90	Tinggi
5	Saya banyak memberi peluang kepada pelajar dalam proses membuat keputusan.	0	0	2	20	8	80	2.80	Tinggi
6	Saya menggalakkan pelajar untuk memupuk semangat kerjasama di antara rakan-rakan.	0	0	0	0	10	100	3.00	Tinggi
Jumlah Keseluruhan								2.90	Tinggi

Secara keseluruhannya gaya pengajaran yang paling lazim digunakan oleh guru PKM semasa menggunakan perisian kursus PKM dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah gaya pengajaran berbentuk wibawa formal dan delegator. Ini dibuktikan melalui jumlah skor min tertinggi bagi kedua-dua gaya ini iaitu 2.90. Namun begitu, gaya pengajaran lain juga sering digunakan kerana kesemua gaya pengajaran mencatatkan nilai min yang tinggi dan berada pada tahap tinggi mengikut tahap kecenderungan min.

iii. Faktor Penggalak Guru Menggunakan Perisian Kursus PKM Semasa Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

Jadual 4: Analisis Respon Terhadap Faktor Penggalak Guru Menggunakan Perisian Kursus PKM Dalam Proses P&P Menurut Aspek Diri Sendiri Mengikut Kekekapan, Peratusan dan Min

Bil	Faktor	Aspek Diri Sendiri	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min	Tahap
			<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%		
1	Inisiatif Diri	Inisiatif diri sendiri terhadap penggunaan perisian kursus semasa proses pengajaran berbanding bahan pengajaran lain	0	0	1	10	9	90	2.90	Tinggi
2	Yakin	Keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan diri menggunakan perisian kursus semasa proses pengajaran.	0	0	2	20	8	80	2.80	Tinggi
3	Mudah	Pengajaran menjadi lebih mudah dengan menggunakan perisian kursus semasa proses pengajaran.	0	0	0	0	10	100	3.00	Tinggi
Jumlah keseluruhan									2.90	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4 pula, faktor mudah merupakan faktor yang mencatatkan nilai min tertinggi di mana majoriti responden bersetuju menyatakan pengajaran menjadi lebih mudah dengan menggunakan perisian kursus semasa proses pengajaran. Ini diikuti oleh faktor inisiatif diri sendiri dengan nilai min 2.90. Pada faktor ini terdapat 10% responden menyatakan tidak pasti dan selebihnya 90% bersetuju dengan pernyataan inisiatif diri sendiri terhadap penggunaan perisian kursus semasa proses pengajaran berbanding bahan pengajaran lain. Sebaliknya bagi faktor keyakinan, terdapat 20% responden tidak pasti manakala 80% lagi bersetuju dengan pernyataan keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan diri menggunakan perisian kursus semasa proses pengajaran. Faktor ini mencatat nilai min 2.80 dan berada pada tahap tinggi.

Jadual 5: Analisis Respon Terhadap Faktor Penggalak Guru Menggunakan Perisian Kursus PKM Dalam Proses P&P Menurut Aspek Perisian Kursus Mengikut Kekekapan, Peratusan Dan Min

Bil	Faktor	Aspek Perisian Kursus	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min	Tahap
			<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%		
1	Jelas	Penyampaian guru lebih jelas dengan menggunakan perisian kursus semasa proses pengajaran	0	0	1	10	9	90	2.90	Tinggi
2	Contoh-contoh	Contoh-contoh yang terdapat di dalam perisian kursus membantu pengajaran	0	0	0	0	10	100	3.00	Tinggi
3	Isi	Isi kandungan yang	0	0	2	20	8	80	2.80	Tinggi

Kandungan terdapat dalam perisian kursus lebih efektif.

Jumlah keseluruhan

2.90 Tinggi

Jadual 5 menunjukkan analisis faktor penggalak guru menggunakan perisian kursus PKM dalam proses pengajaran dan pembelajaran menurut aspek perisian kursus. Dapat dilihat bahawa majoriti responden bersetuju menyatakan contoh-contoh yang terdapat di dalam perisian kursus membantu pengajaran. Di samping itu, 10% responden tidak pasti dan 90% bersetuju bahawa penyampaian guru lebih jelas dengan menggunakan perisian kursus semasa proses pengajaran. Manakala 20% tidak pasti dan 80% bersetuju menyatakan isi kandungan yang terdapat dalam perisian kursus lebih efektif. Nilai min bagi pernyataan ini adalah 2.80.

Secara keseluruhannya, faktor penggalak guru menggunakan perisian kursus PKM dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah di dorong oleh faktor diri sendiri dan perisian kursus di mana nilai min yang dicatat adalah nilai tertinggi iaitu 2.90 berbanding faktor lain.

8.0 PERBINCANGAN

8.1 Kadar Kekekapan Penggunaan Perisian Kursus PKM

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati responden paling kerap menggunakan perisian kursus dalam pengajaran dan pembelajaran sebanyak 3 kali dalam seminggu di mana kekerapan ini mencatat peratusan tertinggi iaitu 30% . Kadar kekerapan yang paling kurang pula ialah penggunaan perisian kursus 2 kali dalam seminggu iaitu 10%. Tambahan lagi penyelidik mendapati kebanyakan guru menggunakan perisian sebanyak 3 kali dalam seminggu kerana seorang guru PKM mengajar subjek PKM untuk 2 atau lebih kelas. Oleh itu penggunaan perisian kursus adalah lebih kerap. Ini juga dibuktikan melalui jadual waktu yang telah ditunjukkan oleh guru-guru kepada penyelidik. Bagi penggunaan perisian kursus 4 kali seminggu dan lebih 6 kali seminggu pula disebabkan oleh guru-guru mengadakan kelas tambahan untuk pelajar-pelajar mereka terutama bagi yang bakal menduduki peperiksaan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Berdasarkan keputusan kajian, penyelidik mendapati keberkesanan penggunaan perisian kursus PKM ini ditunjukkan dengan jelas oleh aspek pelajar. Ini kerana pelajar lebih menunjukkan minat apabila guru menggunakan perisian kursus dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, guru juga menyatakan bahawa pelajar lebih menumpukan perhatian melalui penggunaan perisian kursus PKM berbanding dengan buku teks. Tambahan lagi ramai guru menyatakan pelajar memberikan respon positif terhadap penggunaan perisian kursus PKM berbanding pengajaran konvensional sepanjang masa.

Ini di sokong oleh keputusan kajian oleh penyelidik Mariapan Mariapan (1999) yang mana penyelidik telah membuat kajian ke atas pelajarannya di sebuah sekolah menengah di Seremban bagi melihat keberkesanan bahan bantu mengajar dalam mata pelajaran Kimia. Pelajar-pelajar telah menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar amat berkesan dalam membantu proses pembelajaran mereka.

8.2 Kelaziman Gaya Pengajaran Guru Yang Diamalkan Semasa Menggunakan Perisian Kursus PKM Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran.

Daripada kajian yang telah dijalankan berkenaan gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru sewaktu menggunakan modul pengajaran berkaitan dengan gaya pakar, pengkaji mendapati

bahawa jumlah min keseluruhan adalah pada tahap yang tinggi. Majoriti guru menyatakan bahawa mereka seringkali memberi penerangan yang jelas tentang konsep asas bagi tajuk yang diajar. Walau bagaimanapun terdapat juga guru yang kurang mengadakan aktiviti kumpulan di dalam kelas. Di samping itu terdapat guru yang kurang menggunakan perisian kursus untuk menerangkan sesuatu fakta bagi sesuatu topik pengajaran yang diajar dan kurang menggunakan perisian kursus untuk menerangkan sesuatu prinsip bagi sesuatu topik pengajaran yang diajar. Ketiga-tiga pernyataan ini membawa skor min yang paling rendah namun masih berada pada tahap yang tinggi.

Melalui gaya pengajaran berbentuk wibawa formal secara keseluruhannya dapat ditafsirkan sebagai gaya yang paling kerap digunakan oleh guru semasa menggunakan perisian kursus PKM. Gaya wibawa formal ini merupakan gaya yang paling kerap digunakan oleh guru kerana skor min menunjukkan nilai skor min tertinggi di samping gaya pengajaran berbentuk delegator. Berdasarkan skor min yang paling tinggi, penyelidik mendapati majoriti guru seringkali menegur pelajar jika tidak berpuas hati terhadap prestasi pelajar dalam sesuatu ujian dan mereka seringkali berpendapat mereka seorang yang tegas semasa mengajar di dalam kelas. Gaya wibawa formal menyebabkan guru menjadi rigid serta kurang fleksibel di dalam kelas di mana kurang mementingkan berlaku hubungan yang mesra dengan pelajar seperti yang dipersetujui Grasha (1996).

Daripada kajian yang telah dilakukan penyelidik bahawa min keseluruhan bagi gaya pengajaran model peribadi terletak pada tahap yang tinggi. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan majoriti guru memberikan arahan langkah demi langkah supaya pelajar dapat melaksanakannya dengan mudah. Namun begitu terdapat juga guru yang kurang memberikan contoh yang terdapat di dalam perisian kursus berkaitan sesuatu situasi itu berlaku. Ini dibuktikan melalui analisis skor min bagi pernyataan saya memberikan contoh yang terdapat di dalam perisian kursus berkaitan sesuatu situasi itu berlaku mencatat nilai skor min terendah. Walau bagaimanapun skor min ini masih berada pada tahap yang tinggi.

Berkenaan dapatan melalui gaya pengajaran berbentuk delegator, min skor keseluruhan adalah pada tahap tinggi. Bentuk gaya pengajaran ini mencatat nilai skor min tertinggi di samping gaya pengajaran berbentuk wibawa formal. Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik mendapati majoriti guru menggalakkan pelajar untuk mengeluarkan pendapat dan menggalakkan pelajar untuk memupuk semangat kerjasama di antara rakan-rakan. Kedua-dua pernyataan ini merupakan pernyataan yang menunjukkan skor min tertinggi untuk gaya pengajaran berbentuk delegator semasa guru menggunakan perisian kursus PKM dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

8.3 Faktor Penggalak Guru Menggunakan Perisian Kursus PKM Semasa Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, bagi faktor penggalak utama guru yang didorong oleh faktor diri sendiri, penyelidik mendapati majoriti guru menyatakan pengajaran menjadi lebih mudah dengan menggunakan perisian kursus semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Guru tidak perlu memperuntukkan banyak masa menghasilkan bahan bantu mengajar yang lain seperti penggunaan model, OHP, kertas mahjung dan sebagainya untuk setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, guru menyatakan pelajar lebih menunjukkan minat terhadap penggunaan perisian kursus berbanding dengan penggunaan bahan pengajaran yang lain.

Sementara itu, bagi faktor penggalak utama guru yang didorong oleh faktor perisian kursus, penyelidik mendapati majoriti guru menyatakan contoh-contoh yang membantu pengajaran guru. Di samping itu, penyampaian guru menjadi lebih jelas dan isi kandungan yang terdapat di dalam perisian kursus adalah sangat efektif. Oleh itu dapatlah disimpulkan di

sini bahawa sikap guru sendiri dan budaya kerja mendorong guru terus menggunakan perisian kursus semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana respon positif pelajar menandakan semangat guru untuk terus menggunakan perisian kursus sebagai bahan bantu mengajar. Tambahan lagi kandungan perisian kursus yang efektif menambahkan lagi semangat guru untuk terus menggunakan perisian kursus dalam pengajaran mereka.

RUJUKAN

- Abd. Aziz Ibrahim (1993). "Penggunaan Alat Bantuan Mengajar Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kejuruteraan Awam di Politeknik Malaysia." Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia
- Abdul Rahim (2000). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Rahim Selamat (1989). "Teknologi Sistem Pengajaran". Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Selamat & Abd Rahman Daud (1997). "Literasi Terhadap Penggunaan Alat Teknologi Pendidikan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran di Institut/ Maktab Perguruan". *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. 6 ;01-06
- Bennet, N. and Carre, C (Eds.) (1993). "Learning to Teach". London: Routledge.Bhd.
- Dick, W. and Reiser, R.A (1989). "Teaching Student To Teach Themselves". New York: Nicholas Publication.
- Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi Untuk Bakal Guru". Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.
- Edgar Dale (1969). "Audio Visual Methods In Teaching". New York : Holt Reinhart And Winston.
- Esah Sulaiman (2004). "Pengenalan Pedagogi". Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fairus Hassan (2006). "Kesan Penggunaan Modul Pengajaran Terhadap Gaya Pengajaran Guru Teknikal di Sekolah Menengah Teknik Johor". Projek Sarjana Muda, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Grasha, A.F. (1996). "Teaching With Style", Cincinnati: Alliance Publication.
- Hassan Awang (1993). "Penglipatan Guru-Guru Ketukangan Terhadap Penggunaan Alat Bantu Mengajar di SMV Negeri Kelantan". Satu Tinjauan. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan : Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kramlinger, T. and Huberty, T. (1990). "Bahaviorism Versus Humanism".
- Lee Shok Mee (1996). "Asas Pendidikan 2. Psikologi Dalam Bilik Darjah". 3rd Ed. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1990). "Penggunaan Media Audio-Visual di Kalangan Tenaga Pengajar MRSM". Tesis Sarjana Sains Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Penerbit Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Mohd Salleh & Zaidatun (2001). "Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows". Kuala Lumpur : Vantor Publishing.
- Mok Soon Sang (1994). "Penilaian Pemulihan dan Pengayaan Dalam Pendidikan". Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (2001). "Pedagogi: Kaedah Am Mengajar". Petaling Jaya: Fajar Bakti.

- Noriah Mohd Ishak dan Nor Sakinah Mohamed (2002). "Gaya Pertautan, Gaya Pengajaran Dan Komitmen Terhadap Profesion Perguruan Di Kalangan Guru-Guru Pelatih". <http://www.geocities.com/uitmcom/noriah.doc>
- Qassim (1998). "Pengajian Melayu". Kumpulan Budiman Sdn. Bhd: Kuala Lumpur
- Rancangan Malaysia Ke Lapan 2001-2005. Kerajaan Malaysia . Kuala Lumpur : Percetakan Negara. m.s 176.
- Shaffe Hj. Mohd Daud (1990). "Masalah Penggunaan Pusat Sumber di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi". Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman (1991). Analisis Data Berkomputer SPSS 10.5 for Windows. Kuala Lumpur : Vantor Publishing.
- Tuah Talib (1993). "Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Teknologi Elektrik di Sekolah Menengah Vokasional : Satu Tinjauan". Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusuf Hasim (2000). "Developing Multimedia Courseware: Another Technology Teaching Tool". *The Technology Teacher*,
- Zeichner (1993) "Methods for Individualizing Instruction." *Educational Technology*. June.